

Sukan Sebagai Tapak Integrasi Sosial: Kajian Kes Terhadap Belia Persatuan Mahasiswa Anak Negeri UKM

*Sports as a Platform for Social Integration:
A Case Study on Youth from National University of Malaysia (UKM) Student Association*

Nurnajwa Mohd Fairuz
¹Noviatin Syarifuddin

Program Antropologi dan Sosiologi,
Pusat Kajian Pembangunan Sosial dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

Correspondence email: ¹noviatin@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 28.06.2025
Revised date: 11.08.2025
Accepted date: 20.08.2025
Published date: 30.08.2025

ABSTRAK

Belia pelbagai kaum di universiti memainkan peranan penting dalam usaha memupuk perpaduan nasional di Malaysia. Namun begitu, kepelbagaian latar belakang etnik kadangkala menimbulkan cabaran dalam mewujudkan hubungan yang harmoni. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti peranan sukan sebagai tapak integrasi sosial dalam kalangan belia multi-etnik, khususnya ahli Persatuan Mahasiswa Anak Negeri di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan seramai 38 responden daripada pelbagai kaum yang dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Responden terdiri daripada ahli persatuan yang aktif dan kurang aktif dalam aktiviti sukan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi meninjau persepsi terhadap impak penyertaan dalam sukan ke atas integrasi sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukan membantu meningkatkan komunikasi, memupuk sikap saling menghormati, dan mengeratkan hubungan antara etnik. Selain itu, interaksi sosial yang berlaku dalam konteks sukan juga memperkukuh semangat kerjasama dan menzahirkan nilai perpaduan dalam kalangan belia. Secara keseluruhan, hasil kajian ini membuktikan bahawa sukan berfungsi sebagai wahana yang berkesan dalam membina integrasi sosial serta menyokong usaha perpaduan nasional di institusi pengajian tinggi. Kajian ini memberi implikasi penting kepada pihak universiti dan persatuan mahasiswa agar terus memperkasa penganjuran aktiviti sukan yang inklusif merentas etnik. Usaha ini bukan sahaja dapat menggalakkan hubungan baik dalam kalangan pelajar berbilang kaum, malah menyumbang kepada pencapaian matlamat pembangunan mampan seperti SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan), dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh).

Kata kunci: *Sukan, Integrasi Sosial, Belia multi-etnik, Persatuan Mahasiswa Anak Negeri, UKM*

ABSTRACT

University youth from diverse ethnic backgrounds play a crucial role in fostering national unity in Malaysia. However, differences in cultural and ethnic backgrounds can sometimes pose challenges to creating harmonious relationships. This study was conducted to examine the role of sports as a platform for social integration among multi-ethnic youth, with a particular focus on members of the Persatuan Mahasiswa Anak Negeri at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Adopting a quantitative approach, a total of 38 respondents from different ethnic groups were randomly selected to complete a questionnaire. The respondents comprised both active and less active members in sports activities. Data were analysed using descriptive statistics to explore respondents' perceptions of the impact of sports participation on social integration. The findings indicate that participation in sports enhances communication, nurtures mutual respect, and strengthens relationships across ethnic groups. Social interactions within the sporting context were also found to foster teamwork and reflect the values of unity among youth. Overall, the study demonstrates that sports serve as an effective avenue for building social integration and supporting national cohesion within higher education institutions. This study provides important implications for universities and student associations to strengthen the organisation of inclusive sports programmes across ethnic groups. Such initiatives not only encourage stronger inter-ethnic relations among students but also contribute to achieving the Sustainable Development Goals, particularly SDG 4 (Quality Education), SDG 10 (Reduced Inequalities), and SDG 16 (Peace, Justice, and Strong Institutions).

Keywords: *Sports, Social Integration, Multiethnic Youth, Persatuan Mahasiswa Anak Negeri, UKM*

1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dengan kepelbagaian etnik, budaya, agama, dan bahasa yang membentuk identiti unik masyarakatnya. Walau bagaimanapun, komposisi majmuk ini turut berhadapan dengan cabaran besar dalam membina perpaduan nasional yang kukuh dan berkekalan. Hubungan antara kumpulan etnik sering kali terjejas oleh isu-isu seperti perkauman, stereotaip sosial, dan kesan warisan dasar kolonial British yang memisahkan kaum mengikut sektor ekonomi. Kekurangan interaksi bermakna antara etnik bukan sahaja menjejaskan keharmonian masyarakat, malah boleh mengancam kestabilan dan keamanan negara (Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2021). Sehubungan itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk program pendidikan budaya, kempen kesedaran perpaduan, dan penguatkuasaan undang-undang bagi mengukuhkan hubungan antara kaum (Majlis Keselamatan Negara, 2024; KPWK, 2024).

Dalam usaha tersebut, sukan muncul sebagai salah satu tapak integrasi sosial yang berkesan, khususnya dalam kalangan belia. Aktiviti sukan menyediakan ruang neutral untuk berinteraksi, bekerjasama, dan mengamalkan semangat kesukanan yang melangkaui batas etnik. Di institusi pengajian tinggi (IPT), pelbagai program seperti Sukan Universiti Malaysia (SUKUM) dan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) telah dijalankan bagi menyatukan pelajar daripada latar belakang yang berbeza. Kajian menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam sukan dapat mengurangkan prasangka negatif serta meningkatkan tahap toleransi dan persefahaman antara kaum (Majlis Sukan Universiti Malaysia, 2023; Malaysiaaktif, 2024).

Namun demikian, keberkesanan sukan sebagai medium perpaduan tidak terlepas daripada cabaran. Antaranya termasuklah dominasi etnik tertentu dalam jenis sukan tertentu, serta keterbatasan interaksi sosial di luar padang yang boleh mengehadkan potensi sebenar sukan

dalam mengukuhkan perpaduan (Sinar Harian, 2023). Oleh itu, pendekatan yang lebih inklusif dan strategik diperlukan bagi memastikan penglibatan yang lebih seimbang serta mewujudkan ruang interaksi sosial yang lebih bermakna dalam kalangan pelajar.

Bertolak daripada isu tersebut, kajian ini memberi tumpuan kepada Persatuan Mahasiswa Anak Negeri di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai kajian kes. Fokus diberikan kepada bagaimana sukan berperanan sebagai tapak integrasi sosial dalam kalangan belia persatuan ini yang terdiri daripada latar belakang etnik berbeza. Kajian ini turut meneliti bentuk interaksi sosial yang wujud melalui aktiviti sukan sama ada dalam bentuk asosiatif yang positif atau disosiatif yang berpotensi menimbulkan konflik. Selain itu, strategi dan langkah penambahbaikan turut dicadangkan bagi memperkukuh peranan sukan dalam menyemai perpaduan antara etnik.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar sosial dan inisiatif perpaduan nasional melalui dimensi sukan sebagai medium integrasi sosial. Dengan pemahaman yang lebih mendalam, pembuat dasar dan institusi pengajian tinggi boleh merangka program sukan yang lebih inklusif, progresif, dan berkesan dalam menyokong agenda perpaduan nasional dalam kalangan belia multietnik di Malaysia.

2. Sorotan Karya

2.1 *Sukan sebagai Tapak Integrasi Sosial*

Sukan telah lama diiktiraf sebagai salah satu medium paling berkesan dalam menyatukan masyarakat yang berbilang etnik. Secara asasnya, sukan menyediakan ruang neutral di mana individu daripada latar belakang berbeza dapat berinteraksi, bekerjasama, dan bersaing secara sihat. Penglibatan dalam aktiviti sukan memupuk nilai-nilai universal seperti disiplin, kerja berpasukan, kesamarataan, dan semangat kesukanan yang melangkaui batas etnik, agama, serta status sosial (Coakley, 2017). Dalam erti kata lain, sukan bukan sahaja aktiviti riadah, tetapi juga platform sosial yang membina solidariti dan identiti kolektif.

Di peringkat antarabangsa, pelbagai kajian menunjukkan bagaimana acara sukan mega seperti Olimpik, Piala Dunia FIFA, dan Piala Dunia Ragbi berperanan sebagai wadah perpaduan global serta meningkatkan interaksi antara budaya (Chalip, 2006; Giulianotti, 2015). Fenomena penyokongan pasukan sukan, misalnya, mampu mengatasi perbezaan etnik dan ideologi apabila wujud identiti bersama terhadap pasukan yang diwakili. Dalam konteks Malaysia, sukan turut memainkan peranan penting sebagai wadah perpaduan nasional. Program seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan Universiti Malaysia (SUKUM), dan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) berfungsi bukan sahaja untuk mencungkil bakat atlet, tetapi juga untuk menyatukan pelajar dari pelbagai kaum melalui interaksi langsung dalam pertandingan (Majlis Sukan Universiti Malaysia, 2023). Kajian menunjukkan bahawa penyertaan dalam sukan di institusi pengajian tinggi dapat mengurangkan prejudis etnik, meningkatkan toleransi, serta menggalakkan persefahaman yang lebih mendalam.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang mengekang keberkesanan sukan sebagai medium integrasi sosial. Antaranya ialah dominasi etnik tertentu dalam jenis sukan tertentu, kekangan akses kemudahan sukan, serta interaksi yang terbatas hanya di padang atau gelanggang tanpa kesinambungan di luar aktiviti sukan (Sinar Harian, 2023). Hal ini boleh menyebabkan

sukan sekadar menjadi aktiviti sementara tanpa meninggalkan impak integrasi jangka panjang. Oleh itu, penting bagi institusi pengajian tinggi dan pihak berkaitan untuk merangka pendekatan inklusif yang memastikan penglibatan seimbang, serta menggalakkan hubungan sosial yang lebih luas di luar arena sukan.

Kajian menunjukkan bahawa aktiviti sukan dan kokurikulum berperanan penting dalam memupuk perpaduan sosial, khususnya dalam kalangan pelajar dan belia berbilang etnik. Adlina Abdul Khalil (2019), melalui kajian kualitatif di dua buah sekolah menengah di Kedah, mendapati bahawa walaupun terdapat konflik dan stereotaip etnik, pelajar tetap menunjukkan minat yang tinggi untuk mempelajari budaya lain dan menerima perbezaan. Aktiviti sukan dan persatuan didapati menyediakan ruang interaksi neutral yang berkesan dalam mengeratkan hubungan sosial antara pelajar pelbagai kaum. Seiring dengan itu, Eime (2023) melalui tinjauan skop terhadap 111 artikel mengenai penyertaan sukan belia menegaskan bahawa hubungan sosial merupakan faktor penentu utama dalam mengekalkan penglibatan belia dalam sukan. Penemuan ini menekankan bahawa aspek sosial dan sokongan emosi daripada lingkungan terdekat bukan sahaja mendorong penglibatan, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan pengalaman sosial yang positif, seterusnya menggalakkan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan belia.

Dalam kerangka yang lebih luas, Coalter (2013) menegaskan bahawa sukan merupakan sebuah medium sosial yang mampu memupuk nilai kerjasama, toleransi, dan keterangkuman. Program sukan yang dirancang dengan tujuan pembangunan sosial berupaya menangani isu diskriminasi, ketidaksamaan, serta konflik etnik dengan menyediakan ruang interaksi inklusif. Seiring dengan itu, Spaaij (2012) melihat sukan sebagai platform penting yang menghubungkan individu daripada latar belakang budaya dan sosial yang pelbagai. Melalui penyertaan aktif dalam sukan, individu dapat membina identiti sosial yang positif, mengukuhkan rasa kepunyaan terhadap kumpulan, serta meningkatkan mobiliti sosial dan kemahiran sosial. Brown (2015) pula menekankan dimensi identiti sosial dalam sukan yang terdiri daripada ikatan kumpulan, pemusatan kognitif, dan pengaruh dalam kumpulan. Interaksi ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pembangunan peribadi, tetapi juga memperkukuh integrasi sosial melalui pengukuhan perpaduan dalam kalangan peserta sukan. Secara keseluruhannya, peranan sukan sebagai medium integrasi sosial perlu dilihat bukan sahaja dari segi keberkesanan dalam mengurangkan prasangka, tetapi juga potensinya dalam membina hubungan jangka panjang antara etnik. Melalui pendekatan yang strategik, sukan berupaya menjadi tapak interaksi sosial yang menyumbang kepada perpaduan nasional khususnya dalam kalangan belia multietnik di Malaysia.

1.2 Belia Persatuan Mahasiswa Anak Negeri UKM

Belia Persatuan Mahasiswa Anak Negeri UKM merujuk kepada kelompok mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang berasal dari negeri-negeri tertentu di Malaysia dan bergabung dalam persatuan yang mewakili negeri asal masing-masing. Persatuan ini bernaung di bawah Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM) dan berperanan sebagai wadah pengukuhan jati diri, pemerkasaan sahsiah serta pembangunan potensi mahasiswa berdasarkan latar belakang budaya dan geografi negeri asal mereka. Penubuhan persatuan ini bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan mahasiswa yang berasal dari negeri yang sama. Selain itu, menggalakkan penghayatan nilai budaya dan warisan negeri melalui pelaksanaan program berbentuk kebudayaan, kesukarelawanan dan kebajikan. Seterusnya, menyediakan platform

sokongan sosial dan akademik kepada ahli persatuan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan mahasiswa. Akhir sekali, menjalin hubungan strategik antara mahasiswa, kerajaan negeri, dan agensi berkaitan dalam memperkukuh jaringan kerjasama luar kampus.

Antara persatuan yang tergolong dalam kategori ini termasuklah, Persatuan Mahasiswa Anak Johor (PERMAJ), Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA), Persatuan Mahasiswa Anak Selangor (PERMAS), Persatuan Mahasiswa Sabah (PERMIS), Persatuan Mahasiswa Sarawak (PEMASRA), Persatuan Mahasiswa Kelantan Darul Naim (PERDANA) dan Persatuan Mahasiswa Darul Ridzuan (PERMADARI). Persatuan Mahasiswa Anak Negeri UKM memainkan peranan penting dalam membentuk mahasiswa yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani, selaras dengan aspirasi universiti dalam melahirkan graduan holistik, berciri kepimpinan dan berdaya saing di peringkat global.

Secara umumnya, struktur organisasi Persatuan Mahasiswa Anak Negeri UKM merangkumi beberapa jawatan utama yang berperanan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti. Jawatan tertinggi dalam sesebuah persatuan ialah Ketua atau Presiden yang lazimnya disandang oleh mahasiswa tahun dua atau tahun tiga. Ketua bertanggungjawab mengetuai hal ehwal pentadbiran, menyelaras mesyuarat, serta menjadi wakil rasmi persatuan dalam urusan dengan HEP-UKM dan agensi luar seperti kerajaan negeri atau badan penaja (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2022). Timbalan Ketua atau Naib Presiden pula berperanan membantu Ketua dalam melaksanakan tugas serta menggantikan Ketua sekiranya diperlukan. Jawatan ini kebiasaannya dipegang oleh mahasiswa tahun pertama atau kedua, yang sedang dilatih dari segi kepimpinan dan pengurusan. Selain itu, jawatan seperti Setiausaha, Bendahari serta beberapa biro khas turut diwujudkan bagi melancarkan operasi persatuan. Biro-biro ini termasuk Biro Kebajikan dan Akademik, Biro Kebudayaan dan Warisan, Biro Sukarelawan dan Khidmat Masyarakat, serta Biro Multimedia dan Dokumentasi (Majlis Perwakilan Pelajar UKM, 2022). Pembahagian tugas ini bukan sahaja melatih kemahiran insaniah mahasiswa, bahkan membentuk organisasi yang dinamik dan berdaya saing (Jalaluddin & Hamdan, 2021).

3. Metodologi dan kawasan kajian

3.1 Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif dengan tujuan utama untuk mengenal pasti pengaruh sukan sebagai alat interaksi sosial dalam kalangan belia multi-etnik. Kaedah kuantitatif dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang sistematik dan terukur melalui penggunaan instrumen yang standard, iaitu soal selidik. Soal selidik ini telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada belia pelbagai latar belakang etnik, termasuk Melayu, Cina, India, dan kumpulan etnik lain yang terdapat di institusi pengajian tinggi. Pemilihan responden yang pelbagai ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif dan representatif mengenai corak interaksi sosial yang berlaku melalui penyertaan dalam aktiviti sukan.

3.2 Prosedur Pengumpulan Data

Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan teknik statistik bagi menilai tahap interaksi sosial yang terjalin di kalangan belia multietnik. Analisis ini turut menilai hubungan antara tahap penyertaan sukan dengan pelbagai aspek interaksi sosial, seperti kerjasama, komunikasi, toleransi, dan pembinaan jaringan sosial. Pendekatan kuantitatif ini membolehkan kajian menghasilkan dapatan yang objektif dan mudah diukur, sekaligus memberikan gambaran yang jelas tentang sejauh mana sukan mampu memainkan peranan sebagai medium untuk membina dan mengukuhkan hubungan sosial antara belia berlainan etnik. Dengan memahami hubungan ini, kajian dapat mencadangkan strategi dan pendekatan yang lebih efektif untuk memperkukuh perpaduan dan integrasi sosial melalui aktiviti sukan dalam kalangan belia di Malaysia.

3.3 *Pensampelan Kajian*

Borang soal selidik telah direka khas dan diedarkan kepada 38 orang responden yang terdiri daripada ahli Persatuan Mahasiswa Anak Negeri di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Soal selidik ini merangkumi soalan berkaitan tahap penyertaan dalam aktiviti sukan, jenis interaksi sosial yang berlaku, serta sikap dan pengalaman responden terhadap hubungan antara etnik melalui sukan. Teknik pensampelan rawak mudah digunakan untuk mendapatkan responden kuantitatif dengan bantuan senarai daripada komuniti pelajar dan pihak persatuan. Soal selidik diedarkan secara bersemuka dan melalui medium dalam talian bagi memudahkan proses pengumpulan data daripada responden yang aktif dan kurang aktif dalam aktiviti sukan. Data yang dikumpul kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk menilai kesan sukan terhadap interaksi sosial dalam kalangan belia multietnik.

3.4 *Analisis Data*

Analisis deskriptif seperti pengiraan min, peratusan, dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti corak penyertaan sukan serta persepsi belia terhadap interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan mereka. Pendekatan ini membolehkan pengolahan data secara sistematik dan objektif, sekaligus memberikan gambaran yang jelas mengenai impak penyertaan sukan terhadap hubungan sosial. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan analisis data yang tepat, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh tentang peranan sukan dalam memperkukuh perpaduan sosial dalam kalangan belia multietnik.

3.5 *Kawasan Kajian*

Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, dengan memberi tumpuan khusus kepada aktiviti sukan yang dianjurkan oleh atau melibatkan Persatuan Mahasiswa Anak Negeri (PMAN). Lokasi kajian ini dipilih kerana UKM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal dengan kepelbagaian etnik dalam kalangan pelajarannya, di mana mahasiswa berasal dari pelbagai negeri dan latar belakang budaya yang berbeza. Keunikan ini menjadikan UKM sebagai platform ideal untuk mengkaji interaksi sosial dalam kalangan belia multietnik melalui medium sukan.

Persatuan Mahasiswa Anak Negeri di UKM merupakan sebuah badan yang aktif mengadakan pelbagai program dan aktiviti sukan yang melibatkan ahli daripada pelbagai latar belakang etnik dan negeri. Melalui penyertaan dalam aktiviti sukan ini, peluang untuk berinteraksi dan bekerjasama dalam suasana yang santai dan kompetitif dapat dikaji secara mendalam. Kawasan kajian ini memberi fokus kepada mahasiswa yang terlibat secara langsung dalam sukan, yang juga menggambarkan kepelbagaian budaya dan etnik di universiti tersebut. Pemilihan UKM dan Persatuan Mahasiswa Anak Negeri sebagai fokus kajian adalah signifikan kerana ia dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang bagaimana sukan dapat berfungsi sebagai alat untuk memupuk perpaduan dan memperkukuh hubungan sosial antara pelajar multietnik. Selain itu, kajian ini dapat membantu memahami cabaran dan peluang yang dihadapi dalam usaha membina interaksi sosial yang positif melalui aktiviti sukan di peringkat universiti.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Profil Sosio-Demografi*

Jadual 1. menunjukkan profil sosio-demografi 38 orang peserta kajian yang terdiri daripada ahli Persatuan Mahasiswa Anak Negeri (PMAN) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2012) bagi memastikan setiap peserta memenuhi kriteria yang ditetapkan, iaitu merupakan warganegara Malaysia, bersedia untuk mengambil bahagian, dan pernah terlibat secara langsung dalam aktiviti sukan dan interaksi sosial antara etnik melalui penyertaan dalam persatuan.

JADUAL 1. Profil Sosio-Demografi Responden

| Demografi | Item | Kekerapan | Peratusan |
|---------------------------------|--------------------|-----------|-----------|
| Umur | Bawah 20 tahun | 1 | 2.6 |
| | 21 hingga 25 tahun | 37 | 97.4 |
| Persatuan Mahasiswa Anak Negeri | PERMAJ | 7 | 18.4 |
| | PERMATA | 1 | 2.6 |
| | PEMASRA | 4 | 10.5 |
| | PKMK | 8 | 21.1 |
| | PERMAS | 7 | 18.4 |
| | PERDANA | 1 | 2.6 |
| | PERMADARI | 2 | 5.3 |
| | PMPP | 4 | 10.5 |
| | PKAP | 1 | 2.6 |
| | PESAMA | 2 | 5.3 |
| Jantina | PERMANIS | 1 | 2.6 |
| | Lelaki | 15 | 39.5 |
| Etnik | Perempuan | 23 | 60.5 |
| | Melayu | 23 | 60.5 |
| | Melanau | 2 | 5.3 |
| | Cina | 7 | 18.4 |
| | India | 4 | 10.5 |
| | Orang Asli | 1 | 2.6 |
| | Iban | 1 | 2.6 |

Dari segi umur, majoriti peserta (97.4%) berada dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun, manakala hanya seorang (2.6%) berumur bawah 20 tahun. Dari sudut penyertaan dalam persatuan, penyertaan tertinggi adalah daripada ahli Persatuan Kebudayaan Mahasiswa Kedah (PKMK) iaitu seramai lapan orang (21.1%), diikuti oleh PERMAJ dan PERMAS masing-masing seramai tujuh orang (18.4%). Beberapa persatuan lain turut diwakili termasuk PEMASRA (10.5%), PMPP (10.5%), PERMADARI dan PESAMA masing-masing (5.3%), serta PERMATA, PERDANA, PKAP dan PERMANIS masing-masing dengan seorang wakil (2.6%).

Dari aspek jantina, peserta perempuan lebih ramai berbanding lelaki iaitu masing-masing seramai 23 orang (60.5%) dan 15 orang (39.5%). Komposisi etnik pula menunjukkan penguasaan oleh etnik Melayu sebanyak 60.5% (23 orang), diikuti oleh etnik Cina (18.4%), India (10.5%), Melanau (5.3%), serta masing-masing seorang peserta daripada etnik Orang Asli dan Iban (2.6% setiap satu).

Kombinasi pelbagai latar belakang umur, jantina, etnik dan keahlian persatuan ini membolehkan kajian memperoleh gambaran yang lebih holistik tentang bentuk dan corak interaksi sosial belia multietnik dalam konteks penyertaan mereka dalam aktiviti persatuan dan sukan di peringkat universiti.

4.2 Sukan sebagai Tapak Integrasi Sosial

Sukan merupakan medium penting dalam memupuk interaksi sosial antara individu, terutamanya dalam kalangan belia dari pelbagai latar belakang etnik. Melalui aktiviti sukan, hubungan kerjasama, persahabatan, serta pemahaman budaya dapat diperkukuh. Jadual 2. memperlihatkan tahap persetujuan responden terhadap peranan sukan sebagai alat interaksi sosial dalam kalangan belia multietnik, berdasarkan skor min dan sisihan piawai bagi beberapa aspek utama yang dikaji.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti sukan merupakan medium penting dalam membina integrasi sosial dalam kalangan mahasiswa belia berbilang etnik. Secara keseluruhannya, kesemua item yang diukur memperoleh nilai min melebihi 4.20, menandakan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden. Ini memperkukuh tanggapan bahawa sukan bukan sahaja berfungsi sebagai aktiviti rekreasi, tetapi juga sebagai wadah interaksi sosial yang berkesan dalam merapatkan jurang antara etnik.

JADUAL 2. Sukan sebagai Tapak Integrasi Sosial

| Item | Skala (Frekuensi) | | | | | Min | SP |
|--|-------------------|--------------|--------------|---------------|---------------|------|---------|
| | STS (1) | TS (2) | TP (3) | S (4) | SS (5) | | |
| Saya merasakan bahawa aktiviti sukan membantu saya untuk bekerjasama dengan rakan-rakan dari etnik yang berbeza. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 2 (5.3%) | 17 (44.7%) | 19 (50%) | 4.45 | 0.60168 |
| Saya berasa selesa untuk menyertai aktiviti sukan bersama rakan daripada etnik yang berbeza. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 5 (13.2%) | 15 (39.5%) | 18 (47.4%) | 4.34 | 0.70811 |

| | | | | | | | |
|---|--------------|--------------|-------------|---------------|---------------|------|---------|
| Melalui sukan, saya belajar untuk lebih memahami budaya rakan-rakan dari etnik lain. | 1 (2.6%) | 1 (2.6%) | 3 (7.9%) | 17 (44.7%) | 16 (42.1%) | 4.21 | 0.90518 |
| Semangat kesukanan yang ditunjukkan dalam aktiviti sukan membantu meningkatkan persefahaman antara etnik. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 3 (7.9%) | 18 (47.4%) | 17 (44.7%) | 4.37 | 0.63335 |
| Sukan membantu saya berasa lebih rapat dengan rakan dari pelbagai latar belakang etnik. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 3 (7.9%) | 15 (39.5%) | 20 (52.6%) | 4.45 | 0.64504 |
| Aktiviti sukan dalam persatuan ini memberi peluang kepada saya untuk berinteraksi dengan rakan daripada etnik yang berbeza. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 3 (7.9%) | 17 (44.7%) | 18 (47.4%) | 4.40 | 0.63839 |
| Menyertai aktiviti sukan membantu saya mengurangkan stereotaip terhadap etnik lain | 0 (0.00%) | 1 (2.6%) | 3 (7.9%) | 15 (39.5%) | 19 (50%) | 4.37 | 0.75053 |
| Sukan membantu saya melihat kepelbagaian etnik sebagai satu kekuatan, bukan kelemahan. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 1 (2.6%) | 20 (52.6%) | 17 (44.7%) | 4.42 | 0.55173 |
| Saya percaya aktiviti sukan berpasukan dapat membantu memperkuat hubungan antara etnik. | 0 (0.00%) | 0 (0.00%) | 2 (5.3%) | 15 (39.5%) | 21 (53.3%) | 4.50 | 0.60404 |

Aspek kerjasama merentas etnik melalui aktiviti sukan memperlihatkan persetujuan yang hampir menyeluruh. Sebanyak 94.7% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka dapat bekerjasama dengan rakan daripada etnik yang berbeza, dengan nilai min yang tinggi iaitu 4.45 dan sisihan piawaian (SP) 0.60168. Hasil ini menggambarkan tahap kesepakatan yang kukuh bahawa aktiviti sukan mampu memperkukuh semangat kerjasama. Selari dengan itu, majoriti responden (86.9%) juga menyatakan rasa selesa menyertai aktiviti sukan bersama etnik lain. Walaupun terdapat 13.2% responden yang bersikap neutral, nilai min 4.34 (SP = 0.70811) tetap menegaskan tahap penerimaan yang positif.

Selain itu, peranan sukan dalam meningkatkan pemahaman budaya turut mendapat pengiktirafan daripada responden. Sebanyak 86.8% responden mengakui bahawa penyertaan dalam aktiviti sukan membantu mereka memahami budaya etnik lain, dengan nilai min 4.21. Namun begitu, sisihan piawaian bagi item ini (SP = 0.90518) agak tinggi berbanding item lain, menunjukkan adanya kepelbagaian pengalaman dalam kalangan mahasiswa tentang sejauh mana sukan berupaya mendedahkan mereka kepada kefahaman lintas budaya.

Dari segi persefahaman sosial, sebanyak 92.1% responden menegaskan bahawa semangat kesukanan yang dipamerkan dalam aktiviti sukan dapat meningkatkan persefahaman antara etnik (min = 4.37, SP = 0.63335). Dapatan ini turut disokong oleh perasaan keterikatan sosial, apabila 92.1% responden menyatakan bahawa mereka berasa lebih rapat dengan rakan daripada pelbagai latar belakang etnik melalui penyertaan dalam aktiviti sukan. Nilai min yang diperoleh adalah

4.45 (SP = 0.64504), memperlihatkan keberkesanan sukan dalam memupuk hubungan mesra dan erat antara mahasiswa berbilang etnik.

Di samping itu, dapatan menunjukkan bahawa aktiviti sukan menyediakan ruang interaksi yang signifikan. Sebanyak 92.1% responden mengakui bahawa penyertaan dalam aktiviti sukan memberi mereka peluang berinteraksi dengan rakan daripada etnik berbeza (min = 4.40, SP = 0.63839). Lebih menarik, 89.5% responden menyatakan bahawa penglibatan dalam sukan membantu mereka mengurangkan stereotaip terhadap etnik lain, dengan min 4.37 dan SP 0.75053. Walaupun terdapat sedikit perbezaan pandangan, dapatan ini membuktikan bahawa aktiviti sukan mampu menjadi medium yang efektif dalam menangkis stereotaip dan prasangka etnik.

Seterusnya, dapatan kajian turut menonjolkan dimensi yang lebih positif apabila 97.3% responden bersetuju bahawa sukan membantu mereka melihat kepelbagaian etnik sebagai satu kekuatan dan bukannya kelemahan. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.42 dengan SP serendah 0.55173, menjadikan item ini antara yang paling konsisten dari segi jawapan responden. Akhir sekali, item dengan skor tertinggi mencatatkan min 4.50 (SP = 0.60404), iaitu kepercayaan bahawa aktiviti sukan berpasukan dapat membantu memperkuat hubungan antara etnik. Sebanyak 92.8% responden menyokong kenyataan ini, menegaskan lagi bahawa sukan berpasukan adalah elemen penting dalam memperkukuh integrasi sosial.

Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa sukan memainkan peranan besar dalam membina kerjasama, meningkatkan persefahaman, mengurangkan stereotaip, serta menjadikan kepelbagaian etnik sebagai satu kekuatan yang menyumbang kepada keharmonian sosial. Tahap persetujuan yang konsisten tinggi dengan nilai sisihan piawaian yang rendah hingga sederhana menunjukkan bahawa persepsi positif terhadap sukan sebagai tapak integrasi sosial dikongsi secara meluas oleh mahasiswa belia multi-etnik.

4.3 Perbincangan

Aktiviti sukan berperanan sebagai medium integrasi sosial yang signifikan dalam kalangan mahasiswa belia multi-etnik. Kesemua item soal selidik menunjukkan tahap persetujuan responden yang konsisten tinggi. Hal ini sejajar dengan pandangan Coakley (2017) bahawa sukan merupakan arena sosial yang bukan sahaja menguji fizikal, tetapi turut membentuk identiti, persefahaman, dan hubungan sosial. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, sukan terbukti menjadi jambatan interaksi rentas etnik.

Aspek kerjasama dan keselesaan yang ditonjolkan melalui aktiviti sukan memperlihatkan kesepakatan responden terhadap peranan sukan dalam memupuk nilai inklusif. Responden menegaskan bahawa mereka mampu bekerjasama dengan rakan berbeza etnik, manakala 86.9% merasakan selesa untuk menyertai aktiviti tersebut. Dapatan ini menyokong hujah Brown (2015) yang menggunakan perspektif identiti sosial untuk menjelaskan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukan mampu mengurangkan jarak sosial antara kumpulan berbeza melalui penciptaan identiti kolektif baharu, misalnya sebagai ahli pasukan.

Dari sudut kefahaman budaya, dapatan menunjukkan bahawa responden mengakui penyertaan dalam sukan mendorong pemahaman lebih baik terhadap budaya etnik lain. Walaupun sisihan piawaian agak tinggi, variasi ini menunjukkan pengalaman yang berbeza-beza dalam kalangan mahasiswa. Kajian Spaaij (2012) terhadap komuniti imigran di Australia mendapati bahawa penyertaan dalam aktiviti sukan mampu memperkukuh modal sosial dan

integrasi komuniti minoriti, meskipun tahap keberkesanannya berbeza mengikut latar belakang sosial dan pengalaman individu. Dapatan ini juga berhubung rapat dengan perbincangan Shamsul Amri Baharuddin (2008) tentang bagaimana interaksi budaya dalam masyarakat majmuk memerlukan medium bersama untuk mengekalkan keharmonian.

Selain itu, dapatan mengenai pengurangan stereotaip etnik memperlihatkan fungsi penting sukan dalam menangani salah tanggapan dan prejudis. Hal ini bertepatan dengan pandangan Giulianotti (2015) yang menekankan sukan sebagai ruang simbolik yang dapat memecahkan stereotaip etnik dan kelas sosial. Dalam konteks Malaysia, laporan Majlis Keselamatan Negara (2024) turut menggariskan bahawa aktiviti berteraskan belia, termasuk sukan, berupaya mengurangkan potensi konflik etnik dengan menyalurkan pertembungan kepada bentuk persaingan sihat.

Lebih penting, dapatan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden melihat kepelbagaian etnik sebagai kekuatan, bukan kelemahan. Nilai min yang tinggi dan sisihan piawai rendah membuktikan kesepakatan yang kukuh terhadap nilai positif kepelbagaian. Hal ini selari dengan dapatan Eime et al. (2023) yang menegaskan bahawa penyertaan belia dalam aktiviti sukan berkorelasi rapat dengan pembangunan hubungan sosial, rasa kekitaan, dan solidariti komuniti. Justeru, sukan bukan sahaja menjadi wahana rekreasi, tetapi juga instrumen strategik untuk menyemai semangat kebangsaan dan perpaduan sosial.

Akhir sekali, kajian membuktikan bahawa aktiviti sukan berpasukan paling berkesan dalam memperkukuh hubungan antara etnik. Menurut Chalip (2006), sifat kolektif dan berstruktur dalam pengurusan sukan mampu mencipta pengalaman bersama yang memupuk rasa kebersamaan. Dalam konteks institusi pendidikan tinggi, laporan Majlis Sukan Universiti Malaysia (2023) juga menegaskan bahawa penganjuran temasya sukan seperti SUKUM telah menjadi landasan penting untuk meningkatkan integrasi mahasiswa daripada pelbagai etnik.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menyokong perspektif sosiologi yang menempatkan sukan sebagai wahana pembangunan sosial dan perpaduan (Coalter, 2013; Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2021). Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, integrasi melalui sukan perlu dilihat sebagai satu pendekatan bersepadu yang melengkapi dasar-dasar kerajaan dalam memperkukuh hubungan etnik, selaras dengan agenda perpaduan nasional (Malaysiaaktif, 2024; Sinar Harian, 2023). Justeru, penemuan ini menegaskan bahawa sukan mempunyai potensi besar sebagai tapak integrasi sosial mahasiswa belia, sekali gus menyumbang kepada usaha memperkukuh perpaduan dalam masyarakat majmuk.

5. Rumusan dan Cadangan

Kajian ini menegaskan bahawa sukan berperanan sebagai medium integrasi sosial yang efektif dalam kalangan belia multi-etnik di institusi pengajian tinggi. Dapatan memperlihatkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukan bukan sahaja mengeratkan hubungan antara mahasiswa, malah menyumbang kepada pembentukan identiti kolektif yang melampaui sempadan etnik. Implikasi ini penting kepada dasar perpaduan nasional kerana ia menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan pengalaman bersama (*shared experience*) lebih berkesan berbanding wacana formal dalam membina keharmonian masyarakat majmuk.

Dari perspektif pembangunan belia, kajian ini memberi isyarat bahawa program sukan di universiti perlu dilihat sebagai sebahagian daripada strategi membangunkan modal sosial generasi muda. Sukan berupaya mengukuhkan kompetensi sosial, nilai toleransi, dan semangat

kebersamaan, yang kesemuanya selari dengan agenda Dasar Pembangunan Belia Negara serta Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang menekankan aspek perpaduan dan kesejahteraan sosial. Pembangunan belia melalui sukan juga seiring dengan aspirasi Agenda Pembangunan Mampan (SDGs) khususnya SDG 3 (Good Health and Well-Being), SDG 4 (Quality Education), SDG 10 (Reduced Inequalities), dan SDG 16 (Peace, Justice and Strong Institutions).

Sehubungan itu, beberapa cadangan masa hadapan boleh diketengahkan. Pertama, universiti perlu memperkukuh penganjuran program sukan rentas fakulti dan budaya untuk memperluas interaksi sosial. Kedua, kementerian dan agensi berkaitan disaran menyediakan dana khusus serta modul latihan fasilitator bagi menjadikan sukan sebagai instrumen dasar perpaduan belia. Ketiga, kajian lanjutan wajar menggunakan reka bentuk longitudinal dan perbandingan antara universiti bagi menilai keberkesanan jangka panjang sukan sebagai tapak integrasi sosial. Usaha ini akan memastikan kepelbagaian etnik di Malaysia terus diangkat sebagai kekuatan, sekali gus menyokong visi pembangunan belia dan perpaduan nasional yang mampan.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia atas pembiayaan untuk menyertai Persidangan Sarjana Muda Kebangsaan (PERSADA) 2025 dan bimbingan sepanjang penyeliaan latihan ilmiah serta responden yang memberi kerjasama sebagai peserta kajian.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2021). *Isu hubungan etnik di Malaysia: Perspektif sosiologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Khalil, A., Ismail, M., & Hassan, N. (2019). Interaksi sosial pelajar melalui aktiviti kokurikulum di sekolah menengah: Satu kajian kualitatif di Kedah. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/332013540_Interaksi_Sosial_Pelajar_Melalui_Aktiviti
- Brown, R. (2015). Youth development through sport: A social identity perspective. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 37(1), 54–65. <https://doi.org/10.1123/jsep.2014-0039>
- Chalip, L. (2006). Towards a distinctive sport management discipline. *Journal of Sport Management*, 20(1), 1–21.
- Coakley, J. (2017). *Sports in society: Issues and controversies*. McGraw-Hill.
- Coalter, F. (2013). *Sport for development: What game are we playing?* Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203794989>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson.
- Eime, R. M., Young, J. A., Harvey, J. T., Charity, M. J., & Payne, W. R. (2023). A scoping review of participation in youth sport and social outcomes. *Journal of Science and Medicine in Sport*. <https://doi.org/10.1123/jsr.2022-0185>
- Field, A. (2018). *Discovering statistics using IBM SPSS Statistics* (5th ed.). Sage Publications. <https://uk.sagepub.com/en-gb/eur/discovering-statistics-using-ibm-spss-statistics/book257672>.

- Giulianotti, R. (2015). *Sport: A critical sociology*. Polity Press.
<https://www.pearson.com/en-us/subject-catalog/p/social-research-methods-qualitative-and-quantitative-approaches/P200000005701>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2024). *Laporan Tahunan Keselamatan dan Perpaduan Nasional*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Majlis Sukan Universiti Malaysia. (2023). *Laporan tahunan SUKUM*. Putrajaya.
- Malaysiaaktif. (2024). *Belia dan perpaduan melalui sukan*. Kementerian Komunikasi.
- Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Pearson.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2008). *Budaya dan identiti dalam masyarakat majmuk Malaysia*. UKM Press.
- Sinar Harian. (2023). *Cabaran integrasi melalui sukan di IPT*.
- Spaaij, R. (2012). Beyond the playing field: Experiences of sport, social capital, and integration among Somalis in Australia. *Ethnic and Racial Studies*, 35(9), 1519–1538.
<https://doi.org/10.1080/01419870.2011.592205>